# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 27 RABU 5HB. JULAI 1972 رابو 23 جمادي الاول 1392 PERCHUMA


## PERUBAHAN 'QUOTA' PENGAMBILAN PEKERJA2 DARI LUAR NEGERI

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Buroh telah mengumumkan perubahan2 berhubong dengan quota buroh bagi pengambilan pekerja2 dari luar negeri dan orang2 gaji di-rumah.**

Mulai dari 1hb. Julai quota buroh bagi pengambilan pekerja2 dan orang2 gaji dari luar negeri, akan di-gantikan dengan lesen2 pekerjaan yang di-keluarkan di-bawah seksen 118 Undang2 Buroh, yang di-tetapkan oleh Peratoran2 (Lesen2 Pekerjaan, Pekerja2 Luar Negeri) Buroh 1971.

Lesen2 tersebut sekarang sedang di-kirimkan kapada semua majikan yang di-chatetkan oleh Jabatan Buroh sa-bagai pengambil pekerja2 luar negeri, bagi pengganti quota2 mereka yang ada sekarang.

Lesen2 baru itu ada-lah sah di-pergunakan hingga di-batalkan atau di-tarek balek supaya pembaharuan tahunan tidak lagi perlu di-lakukan.

Lesen2 pekerjaan itu tidak meliputi pengurus2 dan pegawai2, pekerja2 teknikal professional, kerani2, atau kakitangan berkenaan dengan jualan, kerana pekerjaan mereka tidak tertaklok kapada sharat2 Undang2 Buroh.

Permohonan2 pas2 kerja bagi orang2 dalam kumpulan ini, hendak-lah terus di-buat, selaras dengan quota2 kakitangan yang ada sekarang, tetapi semua quota tidak perlu di-baharui sa-tiap tahun.

Juga oleh sebab, Undang2 Buroh, tidak ada hubongannya, ada-lah tidak perlu lagi, bagi perjanjian2 pekerjaan kakitangan mendapat tandatangan timbalan Pesurohjaya Buroh untok menjadikan-nya sah.

Pesurohjaya Buroh juga mengumumkan bahawa dari 1hb. Julai permohonan2 bagi pas2 kerja bagi orang2 mendatang sama ada buroh atau pegawai, yang di-buat kapada Pengawal Imigresen, hendak-lah di-sertai dengan dua salinan Borang Keterangan Pekerjaan.

Borang2 itu mesti-lah memberi keterangan2 pekerjaan yang akan di-lakukan oleh pekerja2 dari luar negeri itu, tempoh perkhidmatan-nya di-kehendaki, kadar gaji yang

(Lihat muka 8)

## CHERAMAH SIBIK UNDANG2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu cheramah Sibik Undang2 berkenaan dengan Perlembagaan Negeri Brunei dan yang lain2 akan di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei batu 1½, Jalan Tutong, mulai 6hb. Julai, 1972 jam 8.00 malam.

Cheramah ini akan di-sampaikan oleh Awang Ali bin Mohd. Daud, Stepandiary Magistrate Kuala Belait.

Cheramah ini seterus-nya akan di-adakan pada tiap2 hari Khamis malam Jumaat mulai jam 8.00 malam sa-bagai salah satu pelajaran sibik bagi penuntut2 di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Orang ramai juga di-persilakan hadhir untok mengikuti cheramah2 ini.



PEMANGKU Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Matnor MacAfee telah melawat ka-Lapangan Ter-Antara Bangsa Brunei di-Berakas pada minggu lalu.

Beliau telah di-iringi oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Talib bin Derwish, Pengawal Penerbangan Awam, Dato W.I. Glass, Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz, Pengiran Idris bin Duli Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad dan Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Wakil sharikat perundingan, Awang V.E. Lawley, ada-lah di-antara yang lain2 dalam rombongan itu.

Semasa lawatan itu mereka telah di-bawa melihat landasan dan lain2 projek lapangan terbang antara bangsa itu.

**Gambar atas kelihatan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan sedang mendengar penerangan Awang G. Buzuk, sa-orang akitek pembenaan bangunan terminal yang sedang dalam pemebnaan itu Di-tengah2 ia-lah Y.A.M. Pg. Setia Raja Pg. Jaya dan di-kanan sekali ia-lah Awang Zakaria.**

## Pertandingan Bintang Radio 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan menganjorkan Pertandingan Bintang Radio 1972 dalam bulan Nobember hadapan.

Pertandingan ini akan di-bahagikan kapada dua chorak iaitu Jenis Baru dan Jenis Lama, dan tiap2 peserta di-bolehkan mengambil kedua2 bahagian.

Pada tahun ini pertandingan tersebut akan terus di-adakan ka-peringkat negeri. Ini bermakna pertandingan2 bagi tiap2 daerah tidak lagi di-adakan.

Walau bagaimana pun pertandingan pemilehan akan di-adakan. Tiga buah pusat pemilehan iaitu bagi peserta dari Daerah Tutong akan di-adakan di-Pekan Tutong, peserta2 dari Daerah Belait pemilehan akan di-adakan di-Studio Radio Brunei Kuala Belait dan peserta2 dari Daerah Brunei-Muara dan Temburong pemilehan akan di-adakan di-Studio Radio Brunei, Bandar Seri Begawan.

Borang2 untok masok bertanding boleh di-dapati dari Setia Usaha Pertandingan, Bahagian Melayu Radio Brunei dan borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb. Julai, 1972.

Berikut ini ia-lah sharat2 untok menyertai pertandingan Bintang Radio 1972.

* Tiap2 chalun mesti-lah mengisikan borang yang di-sediakan.
* Chalun lelaki mesti-lah berumor 18 tahun ka-atas, dan chalun2 wanita mesti-lah berumor 18 tahun ka-atas.
* Tiap2 chalun mesti-lah warga negara, Brunei.
* Chalun2 yang telah menetapkan lagu2 mereka, tidak di-benarkan meminda atau mengubah-nya, kechuali perlu di-fikirkan oleh Lembaga Penganjor, saperti dalam sharat2 di-atas.
* Chalun2 yang telah mendaftarkan nama, tetapi tidak hadhir samasa pemilehan di-jalankan, akan di-kira menarek diri dari masok bertanding.
* Sa-masa pemilehan di-jalankan, latehan2 lanjut tidak akan di-adakan tetapi tiap2 chalun, di-kehendaki mengambil nada suara, dan sa-terus-nya rakaman akan di-selanggarakan.
* Hari dan waktu pemilehan akan di-umumkan dari satu masa ka-satu masa.

(Lihat muka 8)

# Penghuni Rumah Orang2 Tua Seria bertambah

SERIA. — Dua orang lagi lelaki telah di-terima masok ka-Rumah Orang2 Tua di-Seria dalam bulan lepas.

Ini menjadikan jumlah penghuni rumah itu kapada 56 orang, termasok empat orang perempuan.

Rumah Orang Tua ada-lah di-selenggarakan oleh Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait yang menerima peruntokan tahun sa-banyak $10,000 dari kerajaan untok menampong perbelanjaan-nya.

Pendapatan tahun ini berjumlah $39,198.70 termasok bantuan kerajaan sa-banyak $10,000 dan perbelanjaan hingga bulan Mei tahun ini berjumlah $19,235.83.

# Peraduan berchuchul

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan berchuchul bagi rumah2, kedai2 dan bangunan2 sharikat perniagaan akan di-adakan, sa-bahagian dari achara perayaan menyambut ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Daerah Brunei-Muara.

Sa-orang jurechakap jawatankuasa peraduan berkata, peraduan itu ada-lah kapada rumah yang mempunyai kuasa letrik di-Bandar Seri Begawan; Jalan Subok; Jalan Tutong hingga ka-batu 10; Jalan Gadong hingga ke-Ibu Pejabat Pulis Diraja Brunei; Jalan Berakas hingga ke-batu enam dan Jalan Muara hing-

# 120 di-pileh utk. menjalani kursus perguruan di-M.P.S.H.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah memileh sa-ramai 120 pemohon untok mengikuti kursus perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong

Kursus sa-lama tiga tahun itu akan bermula pada 10hb. Julai ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pemohon2 yang berjaya itu telah di-temuduga baru2 ini dan sekarang menjalani pemereksaan doktor.

Juruchakap itu berkata, pechahan bilangan guru2 pelateh itu ia-lah 100 orang Melayu dan 20 orang bukan Melayu.

Tujoh puloh tiga orang di-antara mereka termasok 23 orang perempuan akan menjalani kursus dalam aliran Melayu dan yang lain-nya dalam aliran Inggeris.

Semasa menjalani latehan, guru2 pelateh itu akan menerima alaun kerajaan sa-banyak $120.00 sabulan bagi tahun pertama-dan kedua dan $225.00 sabulan bagi tahun ketiga.

Mereka juga akan mendapat tempat tinggal perchuma sepanjang masa kursus itu.

Guru2 Pelateh yang berjaya dalam kursus itu akan menerima gaji dalam tingkatan yang di-berikan kapada lain2 guru yang mempunyai kelayakan yang sama.

# Peraduan mengarang shaer Hari Keputeraan D.Y.M.M.

TUTONG. — Pertunjokkan kebudayaan akan di-adakan di-padang Bukit Bendera, Pekan Tutong sempena menyambut perayaan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi daerah itu.

Ia-nya mengandongi lima achara peraduan ia-itu Zapin; Joget; menulis cherita2 purba, sha'er dan permainan gambus.

Peraduan Zapin dan Joget, terbuka kapada orang ramai, sementara peraduan menulis cherita2 purba dan Sha'er ada-lah terbuka kapada pendudok2 di-Daerah Tutong yang berumor 15 tahun ka-atas. Sha'er hendak-lah yang berhubong dengan hari keputeraan baginda dan kemakmoran Negeri Brunei.

Peraduan permainan gambus terbuka kapada pendudok2 Daerah Tutong sahaja.

Borang2 untok menyertai peraduan2 itu boleh di-dapati dipersatuan2 belia dan hendak-lah di-kembalikan kapada Pengerusi Peraduan, Awang Abdul Ghani bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar di-Jabatan Bandaran Pekan Tutong tidak lewat pada 10hb. Julai.

# TAWARAN MEMBAWA JEMA'AH2 HAJI BRUNEI DENGAN KAPAL TERBANG BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1972/1973

SHARIKAT Penerbangan ada-lah di-pelawa untok mengemukakan permohonan2 kapada Jema'ah Penasehat Haji Negeri Brunei untok mengangkat jema'ah2 haji Brunei bagi musim haji tahun 1972/1973 (Tahun Hijrah 1392) dari Brunei/Jeddah/Brunei dan di-kehendaki menyatakan keterangan2 yang berikut:–

a) Bayaran tambang bagi sa-orang dewasa dan sa-orang kanak2 yang berumor 12 tahun kebawah.
b) Tempat2 yang akan di-singgahi (sama ada bermalam atau singgah sabentar) sa-waktu perjalanan pergi dan balek Brunei/Jeddah/Brunei.
c) Sila nyatakan jenis kapal terbang dan di-mana ia-berdaftar serta bilangan tempat dudok.
d) Bilangan Pegawai Kebajikan yang bertugas di-tiap2 sa-buah kapal terbang ia-itu tambang pergi dan balek-nya di-tanggong oleh Sharikat.
e) Bagaimana dengan Insurance tiap2 jema'ah haji.
f) Berat barang2 yang boleh di-bawa oleh tiap sa-orang jema'ah haji dan berat barang2 yang di-bawa di-tangan
g) Urusan Visa akan di-uruskan oleh sharikat yang berjaya.
h) Sharikat yang berjaya hendak-lah bersedia menerima ketetapkan tarikh pergi dan balek dari Brunei/Jeddah/Brunei oleh Jema'ah Penasehat Haji Negeri Brunei. Dalam pada itu sharikat2 yang berkenaan hendak-lah mengemukakan tarikh2 yang di-chadangkan-nya.
i) Menu makan hendak-lah di-sertakan oleh sharikat bagi makanan orang2 Islam sesuai dengan selera orang2 tempatan.
j) Sharikat yang menawarkan perkhidmatan-nya dalam tawaran ini hendak-lah menyatakan sharat2 peratoran bagi mengambalikan chagaran tambang (deposit) atau tambang yang sudah di-bayar jelas, jika sa-kira-nya sa-suatu benchana 'Alam berlaku dan menjadikan:–
   i) Penerbangan di-batalkan.
   ii) Tarikh penerbangan di-ubah dari yang di-jadualkan.
   iii) Jema'ah terpaksa membatalkan pemergian-nya.
k) Sharikat hendak-lah menyatakan sharat2 peratoran bagi mengembalikan chagaran (deposit) atau tambang yang sudah di-bayar jelas jika jema'ah yang mendaftar menarek diri kerana sakit yang di-sahkan atau lain2 sebab.
l) Ramai jema'ah mendaftarkan diri sa-hingga penawaran ini di-buat ada-lah 267 orang termasok kanak2. Sharikat yang memasoki tawaran ini hendak-lah menyatakan kesanggopan-nya atau sabalek-nya jika bilangan jema'ah berkurangan atau berlebehan dari angka pendaftaran tersebut.
m) Sharat2, kemudahan2 atau hadiah2 yang lain jika ada.
n) Jema'ah Penasehat Haji tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sa-barang tawaran.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Jema'ah Penasehat Haji, d/a Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat pada 31hb. Julai, 1972 jan 3.30 petang dengan menuliskan di-atas-nya perkataan "TAWARAN MEMBAWA JEMA'AH MEMBAWA JEMA'AH2 HAJI". Permohonan2 yang lewat di-terima dari tarikh tersebut di-atas tidak akan di-layani.

# PERLAWANAN BOLA SEPAK ANTARA JABATAN2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei akan menganjorkan satu perlawanan bola sepak antara jabatan2 bersempena dengan perayaan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26.

Perlawanan itu ia-lah bagi merebut piala rebutan yang di-dermakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Temanggong Sahibol Bahar Pg. Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjor berkata, tiap2 jabatan boleh menghantar hanya satu pasokan sahaja dan tiap2 posokan akan mengandongi enam belas orang pemain.

Kata-nya, sa-buah jabatan yang tidak dapat mengumpol pemain2 yang chukop boleh-lah berchampor dengan jabatan2 yang lain untok menumbohkan satu pasokan. Pasokan saperti itu tidak boleh di-bentok lebeh dari tiga buah jabatan.

Jabatan yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu mesti-lah menyertai atau bergabong dengan Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei.

# DARI SEGI BUDI-PEKERTI ISLAM TERHADAP LELAKI BERAMBUT PANJANG

## KHUTBAH JUMA'AT

DI-MASA2 kebelakangan ini kita sangat bershukor kerana sudah ramai anak2 muda Islam kita menampakan kesetiaan mereka terhadap ajaran2 Islam. Di-antara bokti2 yang nyata ia-lah ramai-nya kehadhiran mereka ka-mesjid2 kerana bersembahyang Jumaat dan penyertaan mereka di-dalam sambutan2 yang berchorak ugama.

Dalam pada itu kita merasa dukachita kerana masharakat kita telah juga di-pengarohi oleh kebudayaan barat yang tidak sesuai dengan ajaran Islam. Satu daripada pengaroh dari barat itu ia-lah kesukaan pemuda2 kita berambut panjang saperti wanita. Kebanyakan pemuda2 yang berambut panjang itu suka berpoya2 dengan rakan wanita-nya sahaja hingga tertinggal pelajaran sekolah atau terlupa pekerjaan menchari nafkah-nya sendiri. Hal ini menyebabkan tanggongan ibu-bapa terlalu berat dan menjatohkan nama baik Islam kita.

Dari segi budi-pekerti Islam ternyata bahawa sa-orang Islam itu hendak-lah senentiasa mengambil berat dalam memperkemas diri-nya dan menemui orang ramai dengan keadaan yang rapi dan kemas, yang boleh membuat orang lain selalu hormat dan merasa senang dengan-nya. Tetapi sabalek-nya jika ia mengabaikan dan tidak memperdulikan semua-nya, berarti ia sudah terpisong dari pekerti Islam sa-benar-nya. Dengan demikian ia akan tidak di-gemari oleh masharakat-nya malah akan menjadi buah mulut orang ramai pula.

Dalam sa-buah hadith Rassulullah s.a.w. pernah menegor sa-orang sahabat yang datang berjumpa baginda datang berjumpa baginda dalam keadaan rambut dan janggut yang panjang yang tidak kemas dan kusut. Hadith itu bermaksud:

**"Di-riyawatkan oleh 'Atag bin Yasar r.a.; kata-nya: Sa-orang lelaki dengan rambut dan janggut-nya yang kusut telah menemui junjongan kita Rassulullah s.a.w., lantas Baginda memberi isharat kapada-nya sa-akan2 Baginda menyuroh membetulkan rambut-nya itu. Maka orang itu pun mematohi-nya, kemudian ia kembali lagi menemui Baginda. Pada kali ini Rassulullah bersabda kapada-nya: Bukan-kah keadaan saperti ini lebeh baik lagi dari sa-orang itu datang dengan rambut-nya yang menggerbang saperti shaitan".**

**"Kebanyakan pemuda2 yang berambut panjang suka berpoya2 dengan rakan wanita-nya sahaja"**

Hadith ini telah menggambarkan bagaimana-nya Rassulullah membuat tegoran terhadap sa-orang sahabat yang datang mengadap Baginda dengan keadaan yang tidak kemas dan sa-sudah orang itu berkemas baru-lah Baginda gemar menyambut-nya dengan baik. Walau bagaimana pun hadith tersebut tidak-lah bermaksud bahawa kita harus mendandan rambut kita hingga mengambil waktu yang panjang kerana perbuatan yang demikian itu berarti membuang2 waktu dengan perchuma. Tetapi yang dimaksudkan itu supaya kita **'mengusai'** rambut dalam keadaan yang kemas dan rapi.

Di-samping kegemaran satengah2 pemuda berambut panjang itu ada pula kegemaran lain yang tidak sesuai dengan ajaran2 Islam, ia-itu berlagak dan bergaya saperti kaum wanita dengan sifat kewanitaan-nya, sa-balek-nya pehak pemudi-nya pula chuba berlagak dan bergaya saperti kaum lelaki dengan sifat2 kelelakian-nya dari segi pakaian dan **'keulahan-nya'** hingga kadang kala menjadi kesamaran kapada kita untok memmembedzakan jantina mereka, sama ada lelaki atau wanita.

Hal ini sa-benar-nya tidak akan membawa kapada kebaikkan malah ada kemungkinan akan lebeh banyak mendatangkan keburokkan kapada masharakat kita. Sebab kalau sudah berani meniru lagak dan gaya, maka tidak mustahil akan berekor pula dengan kelakuan2 yang tidak senunoh dan apabila keadaan demikian merebak dalam masharakat, maka akan bermula-lah kehanchoran dan kerosakkan masharakat itu sedangkan pada masa ini negara kita sedang pesat membangun dalam sa-genap bidang yang berkebajikan.

Oleh yang demikian marilah sama2 kita menyedari dan menghindarkan diri dari peniruan2 yang tidak mendatangkan faedah itu. Mudah2an masharakat kita akan senentiasa dalam keadaan selamat dan senentiasa mematohi ajaran2 Islam.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5hb. Julai, EFST hingga ka-hari Selasa 11hb. Julai, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb. Julai | 12-29 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-38 | 4-53 | 6-11 |
| 6hb. Julai | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 |
| 7hb. Julai | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 |
| 8hb. Julai | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 |
| 9hb. Julai | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 |
| 10hb. Julai | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 |
| 11hb. Julai | 12-31 | 3-51 | 6-42 | 7-53 | 4-40 | 4-55 | 6-13 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

## Peraduan Kesihatan Kanak2 di-Kuala Belait

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Kesihatan Kanak2 ada-lah di-antara acharа2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 di-Daerah Belait.

Pertunjokan itu akan diadakan pada 29hb. Julai mulai jam 1.30 petang di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

Ia-nya terbahagi kapada ia-itu bahagian 'A' bagi kanak2 yang berumor antara 6 hingga 12 bulan, bahagian 'B' yang berumor 12 hingga 18 bulan dan bahagian 'C' berumor 18 hingga 24 bulan.

Borang2 bagi menyertai itu boleh di-dapati di-Kelinik2 Kerajaan Kuala Belait atau Seria dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan kapada Pengerusi Jawatankuasa Pertunjokan kesihatan Kanak2 di-alamat Pejabat Perubatan Daerah, Kuala Belait dengan sa-berapa segera.

## Perubahan pelayaran kapal penumpang Brunei / Labuan

KAPAL membawa penumpang2 dari Bandar Seri Begawan ke-pelabohan Victoria-Labuan akan bertolak dari tambatan penumpang Bandar Seri Begawan pada pukul 8.45 pagi pada tiap2 hari masa bekerja, sa-hingga hari Khamis 13hb. Julai.

Bagaimana pun pada hari Jumaat 7hb. Julai, kapal penumpang kerajaan itu akan bertolak dari Bandar Seri Begawan saperti biasa, ia-itu 7.45 pagi.

Kapal tersebut akan bertolak saperti biasa dari pelabohan Victoria, Labuan ka-Bandar Seri Begawan pada pukul 2.30 petang.

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 59/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Safar bin Tahamit, d/a Kampong Bebatik, Masin, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tahamit bin Kula yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 60/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Uteh bin Awg. Damit, d/a Sekolah S.M.J.A. Tambahan, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Johari bin Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 61/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nawang bin Adol, Kampong Kupang, Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jaidin bin Nawang yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 62/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Johari bte. Mamut, Kampong Kulapis, Batu 13, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Mimah bte. Kulla yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ibu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 63/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh A. Md. Taib bin Hj. Md. Salleh, Kg. Sungai Kedayan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Salleh bin Hj. Jalil yang telah meninggal dunia di-dalam Madina, Saudi Arabia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 64/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Munah bte. Jaidin, Kg. Kilanas, Batu 7, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jaidin bin Besar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 65/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ludin bin Haji Mohammad, d/a Kg. Tanjong Nangka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Angkut binte Kula yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/66/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Momin bin Haji Ahmad, d/a Pejabat Talikom, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Ahmad bin Jambol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/67/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Rahman bin Abd. Kahar, d/a Pejabat Ukor, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Kahar bin Ismail yang telah meninggal dunia di-dalam Mekkah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapa si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/68/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Jambol bte. Awg. Ahmad, No. 33, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Bungsu bin Awang Takong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ibu saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/69/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Salamah bte. Jinin, d/a O.P.C. Osman bin Ali, Balai Pulis Liang, Sungai Liang, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh A.P.O. 123 Ismail bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

JAWATAN KOSONG.

## Sa-bagai Penghantar Saman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Kadzi Daerah Belait, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

*Kelayakan2:*

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 17 hingga 30 tahun.

(b) mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu.

Keutamaan akan di-beri kapada orang2 yang tinggal di-Daerah Belait.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300 x10-350.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 24hb. Julai, 1972.

## Majalah Tafsir siri ke-7

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri ke-7 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan telah di-jual kapada orang ramai mulai 29hb. Jun, 1972 dengan harga 50 sen sanaskhah.

Dalam keluaran kali ini, "TAFSIR DARUS-SALAM" memuat antara lain: Tafsiran dan huraian ayat (71) hingga (80) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut maseh boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.



GAMBAR atas menunjokkan peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan moto-sikal scramble yang telah adakan di-pantai Muara pada minggu lalu. Perlumbaan tersebut di-anjorkan oleh Klab Automobil Brunei.

Awang Suresh Janardanan (kanan sekali) telah memenangi dua perlumbaan utama.

## Perlawanan chator sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan chator akan merupakan sa-bahagian daripada achara2 perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjor perlawanan itu berkata, perlawanan itu akan di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu orang2 dewasa, budak2 lelaki di-bawah umor 15 tahun dan perempuan.

Perlawanan itu ia-lah bagi merebut piala rebutan yang dihadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Borang2 untok menyertai perlawanan itu boleh di-dapati dari Awang Anthony Chin di-Jabatan Kerja Raya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit di-Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bangunan, Awang Somasundram di-Maktab SOAS dan Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Rabaha, di-Jabatan Imigresen, Kuala Belait.

Penerimaan masok akan di-tutop pada 7hb. Julai.

## Kanyataan2 Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/4/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Talib bin Suboh, d/a Kampong Puni, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Suboh bin Osman yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/5/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Luyo binte Lasong, d/a Kampong Negalang, Batu Apoi, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Yong Kim Lai @ Katam bin Alok yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri (balu) kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Jun, 1972.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith.**
**Negeri Brunei.**

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



# SASARAN GERAKAN ANTI-KAMAH TERMASOK MERUBOH PONDOK2 HARAM

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pondok2 yang telah di-beri notis untok di-rubohkan dan papan2 kenyataan yang di-pachakkan tanpa kebenar-an akan di-rubohkan dalam gerakan "anti kamah" pada 9hb. Julai ini.**

Demikian di-nyatakan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz ketika menerangkan sasaran kerja anti kamah dalam perte-muan dengan pegawai2 Majlis Belia2 Negeri Brunei dan Lembaga Bandaran pada hari Sabtu lepas.

Menurut beliau bahawa ada beberapa buah pondok yang telah di-beri notis tetapi eng-gan di-rubohkan dalam ling-kongan bandaran akan men-jadi salah satu tugas belia2 un-tok merubohkan-nya dalam gerakan anti kamah itu nanti.

Sa-lain dari itu, kata-nya, dalam lingkongan bandaran telah di-dapati juga langkah sa-tengah2 orang yang mema-chakkan papan2 kenyataan de-ngan sa-suka hati mereka.

Bagitu juga dengan perbuat-an tuan2 punya lori2 yang ti-dak di-pakai lagi dan mening-galkan-nya mengotori kawasan bandaran ada-lah satu per-buatan yang bertentangan de-ngan undang2 Lembaga Ban-daran.

Semua itu, kata-nya, akan merupakan tugas2 penting gerakan "anti kamah" belia2 dan menyingkirkan segala benda yang di-lakukan tanpa kebenaran dan membersehkan sa-suatu yang boleh di-sifatkan "kamah".

Awang Haji Abdul Aziz me-nyatakan, belia2 yang meng-ambil bahagian dalam gerakan anti kamah itu akan di-bekal-kan dengan perkakas2 yang tertentu, tetapi mereka juga di-bolehkan membawa perkakas2 sendiri saperti perkakas2 un-tok meruboh sa-umpama tukol dan talimbu.

Menyatakan tafsiran lanjut gerakan anti kamah itu, beliau menyatakan bahawa sunggoh pun gerakan itu di-lancharkan oleh Majlis Belia2, tetapi orang2 yang mengambil baha-gian tidak mesti terdiri dari ahli2 persatuan belia sahaja.

"Orang ramai yang ingin menyertai gerakan itu ada-lah senantiasa di-alu2kan, kerana tugas menjaga kebersehan ne-geri ada-lah tanggong-jawab kita bersama", jelas beliau.

Beliau meminta kapada pe-serta2 dalam gerakan anti ka-mah itu supaya dapat berkum-pol di-kawasan bangunan De-wan Kemasharakatan pada pu-kul 7.30 pagi, 9hb. Julai itu nanti.

Satu upachara merasmikan gerakan itu akan di-lancharkan dalam mana peserta2 yang me-nerima arahan2 yang tertentu di-samping mengikuti uchap-an2 dari Pesurohjaya Kebaji-kan dan Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu sendiri.

Kawasan yang akan men-jadi sasaran gerakan anti ka-mah itu ia-lah dari bandar hingga ka-Batu 3, Jalan Tu-tong, ka-Sekolah Melayu Pin-tu Malim, kawasan sa-belum Jambatan Gadong dan hingga ka-kawasan Istana Tetamu di-Jalan Berakas.

# 10 Persatuan akan mengadakan aneka warna sambutan puja usia D. Y. M. M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 10 buah persa-tuan2 belia dan kebajikan da-lam Daerah Brunei dan Mua-ra akan turut mengambil ba-hagian dalam persembahan2 aneka warna di-Padang Be-sar dan di-Pekarangan Istana Darul Hana bagi meraikan sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam bulan ini.

Persatuan2 belia dan keba-jikan itu ia-lah PERWIRA, PERKA, IKRAB, PAPP, KEKAL, PANDAI BESI, AMAL, KEMUKA, BAH-TERAMU dan Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Majlis Belia2 Negeri Bru-nei akan menganjorkan per-tandingan pukulan gulintan-yang akan berlangsong pada 22hb. Julai di-Pekarangan Istana Darul Hana.

Sa-lain dari MBB, tiga buah persatuan ia-itu Perwi-ra, Perka dan Ikrab akan mengadakan pertunjokan ane-ka warna mereka di-Peka-rangan Istana Darul Hana, sementara yang lain-nya mengadakan pertunjokkan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

# Perubahan quota buroh

(Dari Muka 1)

akan di-bayar jika kurang dari $750 sa-tahun, dan lain2 ma-'alumat yang berkenaan.

Kechuali orang pendatang yang akan di-ambil bekerja sa-bagai orang gaji di-rumah ti-dak berhubong dengan perda-gangan, profession, atau per-niagaan majikan itu, borang itu mesti-lah juga menyatakan kelulusan dan pengelaman-nya dan juga apakah langkah2 yang telah di-ambil oleh maji-kan itu untok mendapatkan orang2 tempatan, atau jika ia tidak dapat berbuat demikian, untok mengambil sa-orang yang bermastautin di-Brunei bagi latehan untok mengisi ja-watan itu di-masa depan.

Pesurohjaya Buroh mene-gaskan bahawa sama ada lesen pekerjaan atau pun quota kakitangan tidak merupakan pengakuan bahawa pas2 kerja akan di-keluarkan kapada se-mua pekerja yang berlesen atau kapada semua kakitangan yang di-sebutkan tadi.

Borang2 Keterangan Peker-jaan akan di-rujokkan kapada Tukaran Pekerjaan tempatan bagi nasehat, dan Pesurohjaya Buroh akan memberi nasehat supaya jangan di-keluarkan atau di-baharui pas kerja jika nampak-nya ada chalun ber-kelayakan yang sesuai dari anak2 tempatan bagi kerja yang di-kehendaki itu.

Pesurohjaya Buroh berkata, pas kerja boleh juga di-tolak jika nampak-nya majikan itu tidak berikhtiar untok meme-nohi jawatan kosong itu de-ngan anak2 tempatan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang di-kehen-daki.

# Bintang Radio

(Dari muka 1)

* Tiap2 chalun mesti?lah patoh dan menurut segala arahan atau peratoran dari Pegawai Perkhid-matan Melayu (Pegawai Ran-changan) yang di-tugaskan meng-awasi segala pemilehan dan pertandingan yang di-jalankan.
* Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei tidak akan menye-diakan KENDARAAN bagi mengambil dan menghantar ba-lek chalun2 yang memasoki pe-rengkat pemilehan.
* Segala keputusan hakim, dalam masa pemilehan dan pertanding-an ada-lah muktamat.

# Pemberitahuan Tawaran

PEMBORANG2 ada-lah di-pela-wa untok menghantar tawaran mereka bagi membekalkan "Alat2 Makmal Sains" jenis Integrated Sains untok Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah/RIAD., Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bru-nei.

2. Penerangan lanjut dan borang mengenai alat2 tersebut yang di-perlukan, boleh di-dapati daripada Pengetua, Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah/RIAD., di-Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Be-gawan, Brunei pada bila2 masa waktu sekolah tersebut di-buka.

3. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak le-wat pada 15hb. Ogos, 1972 jam 12.00 tengah hari.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran lebeh murah atau sa-umpama-nya.

(HAJI ABDULLAH METASSAN)
b.p Pengetua Uegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

# Perlawanan badminton sa-negeri Brunei kali yang ketiga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan badminton seluroh negeri sempena me-nyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan di-adakan hu-jong bulan Julai ini.

Perlawanan itu ia-lah bagi kali yang ke-3, anjoran Persa-tuan Kebajikan Kampong Lambak (KEKAL) dan akan berlangsong di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Setiausaha perlawanan itu menyatakan bahawa perla-wanan tahun ini ada-lah ter-buka kapada peserta2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mewakili persa-tuan2 belia dan kebajikan, pertubohan2, kelab2, badan2 kebajikan dalam sharikat2, pejabat2, sekolah2 dan mak-tab2.

"Ini ada-lah merupakan sa-tu perubahan untok membo-lehkan pemain2 tempatan yang berbakat menumpukan perhatian penoh dalam la-pangan badminton sa-lain da-ri mempraktikkan dasar per-lawanan antara bangsa yang menghadkan kapada pemain2 yang terdiri dari raayat saha-ja", tegas beliau.

Beliau juga menyatakan ba-hawa Persatuan Kebajikan Kampong Lambak (KEKAL) telah pun di-terima menjadi ahli gabongan dalam Persa-tuan Sokan Amateur Negeri Brunei.

Bayaran untok memasoki perlawanan ini ia-lah $20.00 bagi tiap2 satu pasokan.

Borang2 dan sharat2 lanjut untok memasoki perlawanan itu boleh di-dapati dari seka-rang dan hendak-lah di-kem-balikan pada 16hb. Julai, 1972.

Borang2 itu boleh di-dapati dari: Awang Abdul Rahim Walli, Ahmad Arshad dan Ak. Abdul Hamid bin Pg. Abbas di-alamat Radio Bru-nei dan dari Awang Alamin bin Haji Hanafiah di-Pejabat Talikom.

Bagi peserta2 di-Daerah Belait, borang itu boleh di-dapati dari Awang Hassan Louis, Pejabat Daerah Belait; Di-Tutong dari Awang Ham-dan Haji Nawang, Pejabat Daerah Tutong; dan, di-Tem-burong dari Awang Damit bin Salleh, Bilek Bachaan Temburong.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.